



# 'Berkat berbudi kepada tanah'

**Amalina** (kanan) dengan bantuan suami, Afzainizan berjaya membangunkan tanaman rock melon.



Oleh Rosniza Mohd Taha  
roniza@mediaprima.com.m

Klang

**S**eawal jam 7 pagi hingga 11 pagi, Amalina Nasution Mustaffa, 26, sudah berada di kebun tanaman rock melonnya bagi memeriksa air baja, keadaan pokok dan kemudahan lain termasuk paip dan tangki.

Antara jam 3 hingga 4 petang pula, beliau yang dibantu suaminya, Afzainizan Azman dan dua pekerja kembali ke kebun bagi memungut sayuran yang turut ditanam untuk dijual kepada pemborong.

Demikian rutin harian lulusan Teknologi Maklumat, Universiti Utara Malaysia itu yang mengambil langkah berani meneroka bidang pertanian walaupun kemahiran diperlukan jauh berbeza dengan kelayakan dimiliki.

Beliau mula berjinak-jinak dalam bidang pertanian dengan menanam cili besar menggunakan sistem fertigasi.

Tawaran menyertai program Inkubasi Usahawan Tani (IUT) kelolaan Universiti Putra Malaysia yang dibaca menerusi akhbar semangnya peluang dinantikan beliau yang pada masa itu baru tiga bulan menceburti bidang pertanian.

#### Bantuan IUT

Penyertaan dalam program itu memberikan pendedahan asas yang diperlukan sebagai panduan baginya merangka strategi sebagai usahawan tani termasuk penyediaan ladang, pembelian barang pertanian serta pemasaran.

“Saya menyertai IUT bagi memanfaatkan pelbagai kursus yang menarik dan mendapat tunjuk ajar daripada pensyarah berpengalaman. Kursus enam bulan merangkumi teori dan praktikal mengukur sejauh mana kemampuan kami untuk menceburti bidang berpotensi

tinggi ini.

“Pendedahan mengenai tanaman rock melon secara fertigasi menerusi IUT menimbulkan minat saya untuk mengusahakannya kerana permintaan tinggi dalam kalangan masyarakat selain penjagaannya yang mudah,” katanya.

Selesai mengikuti IUT, Amalina menujuhkan syarikat JL Agro Enterprise untuk mengusahakan tanaman rock melon di tanah sekitar Sungai Udang, Klang.

#### Cabaran

Setakat ini beliau sudah menanam 2,600 pokok rock melon dan meraih hasil pengeluaran sebanyak lima tan yang dibekalkan kepada kepada Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan serta dijual di pasar tani.

“Tapak projek tanaman sekarang milik bapa mentua dan tapak

projek tanaman yang lain disewa daripada penduduk kampung menggunakan modal sendiri. Setelah hampir setahun mengusahakan tanaman ini, kami membuat pinjaman dengan Agrobank untuk membuka tapak projek tanaman di kawasan baru atau

negeri lain.

“Kami sudah menanam rock melon sebanyak dua pusingan dan kini dalam proses menanam untuk pusingan ketiga. Tempoh tumbuhan pokok sehingga peringkat kutip hasil ialah dua setengah bulan. Kami juga menanam pelbagai jenis sayuran termasuk timun, kacang panjang, kailan, cili besar, cili padi dan tomato sebagai pendapatan sampingan,” katanya.

#### Teroka pasaran baru

Amalina semakin yakin dengan keupayaannya mengusahakan tana-

man rock melon dan nekad menjadikan pertanian sebagai kerjaya kerana mampu menjana pendapatan lumayan melalui kaedah pertanian moden.

Beliau berharap pembabitannya dalam bidang pertanian itu dapat membantu memenuhi permintaan bekalan sayuran dan buah-buahan tempatan serta eksport.

Katanya, golongan muda seharusnya menyahut cabaran meneroka bidang itu kerana mempunyai tenaga untuk melakukan kerja berat berbekalkan semangat dan jiwa yang kental bagi menempuh cabaran.

“Graduan perlu membuka minda untuk memajukan diri dalam bidang keusahawanan kerana pelbagai kursus dan bidang pertanian berpotensi untuk dimajukan.

“Bidang pertanian ialah perniagaan dan pekerjaan yang murni kerana selain berbudi kepada tanah kita juga dapat memenuhi bekalan makanan yang semakin berkurangan dan terpaksa diimport dari negara luar,” katanya.